

07 DEC 2000

Hakim

PELANTIKAN KETUA HAKIM NEGARA

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah berkenan melantik Tan Sri Mohamed Dzaiddin Abdullah sebagai Ketua Hakim Negara yang baru.

Pelantikan itu atas nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja, menurut kenyataan akhbar pejabat Perdana Menteri di sini.

Mohamed Dzaiddin, 63, menggantikan Tun Eusoff Chin yang akan tamat tempoh perkhidmatannya pada 19 Dis.

Beliau dilahirkan pada 16 Sept 1937 di Arau, Perlis dan mendapat pendidikan awal di sebuah sekolah Melayu di Arau dan kemudian di Kolej Sultan Abdul Hamid di Alor Setar.

Mohamed Dzaiddin memulakan kerjaya dalam bidang perundangan setelah diterima menjadi peguam di England pada 19 Julai 1966 dan di Malaysia pada 28 Jan 1967.

Menurut kenyataan tiga perenggan itu, pelantikan Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan atau Ketua Hakim Negara itu, dibuat mengikut Perkara 122B(1) Perlembagaan Persekutuan.

Mohamed Dzaiddin dilahirkan pada 16 Sept 1937 di Arau, Perlis dan mendapat pendidikan awal di sebuah sekolah Melayu di Arau dan kemudian di Kolej Sultan Abdul Hamid di Alor Setar.

Beliau memulakan kerjaya dalam bidang perundangan setelah diterima menjadi peguam di England pada 19 Julai 1966 dan di Malaysia pada 28 Jan 1967. Beliau berkhidmat dalam firma guamannya sendiri sehingga 1982.

Mohamed Dzaiddin berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi pada 1 Okt 1982. Pada 1 Jan 1993 beliau dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan.

Mohamed Dzaiddin yang pernah menjadi wartawan The Malay Mail sebelum melanjutkan pelajaran perundangan, dilantik sebagai Hakim Mahkamah Agung pada 18 Dis 1992.

Beliau dijadual menerima wafikah pelantikan sebagai Ketua Hakim Negara yang baru daripada Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara pada 20 Dis ini.

Sementara itu jurucakap Istana Negara berkata pelantikan Mohamed Dzaiddin diputuskan pada mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-187 yang berlangsung selama dua hari mulai 8 Nov lepas.

-- BERNAMA

NHD GM RON